

Kekalkan kemerdekaan: PM

BH 29 FEB 2000

JITRA, Isrin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan rakyat supaya memperkukuh barisan bagi menghadapi musuh dalam dan luar negara serta menolak pihak tertentu yang menghasut generasi muda supaya membenci Umno dan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, hanya dengan bersatu dan bersyukur, rakyat mampu mematahkan serangan musuh, sekali gus memastikan generasi muda, terutama yang masih pada peringkat sekolah, tidak terjerat dengan hasutan.

Sambil menegaskan pentingnya mengekalkan kemerdekaan daripada penjajahan

semula kuasa asing, Dr Mahathir meminta rakyat berhati-hati dengan pihak tertentu yang berusaha merampas kuasa daripada Barisan Nasional (BN) secara meracuni fikiran rakyat, termasuk kanak-kanak pada peringkat tadika.

“Ada pihak yang cuba merebut kuasa dengan menghasut orang kita pada peringkat anak-anak kecil. Mereka menghasut anak kita supaya benci kepada orang tertentu.

“Anak-anak ini pergi ke universiti terus marah kepada kita. Hari ini anak orang Umno berlawan dengan Umno. Kerajaan beri biasiswa...dapat kerja gaji be-

sar, mereka hentam kita,” katanya di majlis perjumpaan dengan rakyat di Kampung Hilir, Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Dengan memberikan contoh sebuah negara jiran yang terpaksa tunduk kepada tekanan kuasa asing, Dr Mahathir berkata, rakyat harus mengambil iktibar daripada kejadian itu dan mengelak ia daripada menimpa negara.

Perdana Menteri juga berkata, usaha kerajaan membantu masyarakat Melayu turut membantu agama Islam kerana masyarakat Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam.

“Jangan kita pisahkan

orang Melayu dengan Islam kerana orang Melayu ditakrif sebagai Melayu jika ia Islam. Apabila kita selamatkan orang Melayu, bermakna kita selamatkan Islam,” katanya.

Kampung Hilir adalah antara lokasi lawatan Dr Mahathir selama sehari di daerah Kubang Pasu, hari ini.

Turut serta dalam lawatan itu ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas kira-kira jam

9.15 pagi, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dengan bekas wakil rakyat dan calon Umno yang tewas pada pilihan raya umum November lalu.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu turut mengadakan sesi perjumpaan dengan pengundi di pejabat Umno Kubang Pasu. Kira-kira 100 pengundi memanfaatkan kesempatan itu untuk menyuarakan masalah masing-masing.

Perdana Menteri kemudian makan tengah hari di Kampung Lembah Arang, Wang Tepus sebelum melawat projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi, dekat sini.